



**UCAPAN SEMPENA TAHUN BARU 2018 OLEH:**

**YAA TUAN MOHAMMAD ADIB BIN HUSAIN  
KETUA HAKIM SYARIE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR**

Assalamualaikum wbt.

Alhamdulillah, Allah swt masih memberikan peluang kepada kita untuk bertemu dengan Tahun Baru 2018. Semoga tahun 2018 ini akan memberikan semangat baru kepada kita untuk sentiasa terus berusaha dalam memberikan komitmen yang terbaik kepada jabatan.

Sebagai Ketua Jabatan yang baru dilantik pada 3 Julai 2017, saya meletakkan harapan yang tinggi agar kejayaan dan kecemerlangan yang telah dicapai oleh jabatan akan berterusan dan dipertingkatkan.

Pada tahun 2017 yang lalu, beberapa pencapaian telah kita perolehi antaranya ialah berjaya melalui sesi auditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam oleh pihak MAMPU dan berjaya melalui Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 1900:2014 (berasaskan Syariah) dan MS ISO 9001:2008 dengan tiada ketakpatuhan direkodkan. Jabatan ini juga telah berjaya memperolehi lima bintang bagi Pemantauan Arahan Amalan JKSM/MSN Seluruh Malaysia Tahun 2017, memperolehi Anugerah Emas bagi Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Perintis JAKESS di Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara 2017 di Pulau Pinang dan mendapat Tiga Bintang dalam program *National Team Excellence 2017* (NTEx 2017) sempena *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition 2017* (APIC 2017) di Genting International Covention Centre.

Kejayaan dan pencapaian ini terhasil dari usaha kesepaduan antara pegawai dan kakitangan secara keseluruhannya. Semangat kerjasama dan ukhuwwah yang dijalinakan ini perlu diteruskan dan dipertingkatkan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengajak diri saya dan Tuan Puan untuk menghayati maksud sebenar 'pekerjaan adalah ibadah' yang sering kita dengar. Seorang pekerja yang baik akan sentiasa memperuntuk masanya untuk menilai dan memperbaiki tugas yang dipertanggungjawabkan dengan baik. Dengan ini, kita dapat mengenal pasti kelemahan dan menghasilkan kreativiti serta inovasi yang berkesan dalam kerja dilakukan.

Perkhidmatan yang berkualiti merupakan asas kepada organisasi untuk melakar lebih banyak kejayaan. Sebagai pekerja, kita perlu sedar bahawa peningkatan kualiti dalam perkhidmatan kepada rakyat menjadi satu tanggungjawab yang berat untuk dilaksanakan. Kualiti terbaik hanya akan terhasil apabila tertanam keyakinan tinggi kepada Allah bahawa setiap apa yang dilakukan sentiasa diperhatikan. Allah SWT telah berfirman di dalam Al Quran di dalam Surah *al Taubah* ayat 105 yang bermaksud:

***"katakanlah (Wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".***

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan semua warga JAKESS termasuklah diri saya sendiri agar sentiasa menjaga akhlak dan nilai integriti. Kita sedia maklum bahawa kita adalah institusi yang sentiasa berurusan dengan pelanggan yang terdiri daripada orang awam, peguam- peguam serta institusi-institusi kerajaan yang lain. Maka, amatlah penting kita menjaga nilai integriti dan akhlak agar keadilan yang ingin dicapai adalah sekata dengan tindakan.

Pada tahun 2018 ini kita akan menghadapi beberapa penilaian utama termasuklah Anugerah Pentadbiran Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang Kerajaan Negeri Selangor (APPC) dan Audit Pensijilan SIRIM bagi MS ISO 1900:2015. Untuk mencapai kejayaan cemerlang bagi penilaian- penilaian yang akan kita hadapi ini, kita perlu mengatur persediaan dan perancangan dengan rapi bagi memastikan kejayaan tersebut dapat direalisasikan.

Islam menyarankan umatnya agar sentiasa bersedia menghadapi ujian dan penilaian. Allah sangat menyukai hambanya yang bersedia dan berusaha kerana pada usaha tersebut pastinya ada ganjaran yang akan Allah akan berikan sepertimana di dalam Al Quran, Surah al-Najm ayat 39-41 yang bermaksud:

*“Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya; Dan bahawa sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan (kepadanya, pada hari kiamat kelak); Kemudian usahanya itu akan dibalas dengan balasan yang amat sempurna”.*

Pada tahun 2018 ini juga Jabatan akan meneruskan perbelanjaan secara berhemah seperti yang telah kita lakukan pada tahun 2017. Ini adalah selaras dengan strategi belanjawan Negeri Selangor yang telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Besar Selangor dalam menterjemah gagasan 'Membangun Bangsa Memakmur Negeri' dengan membawa tema *fastabiqul khairat* yang memberikan keutamaan kepada kebajikan rakyat.

Akhir kalam, saya berharap agar ucapan tahun baru ini akan dapat dihayati dan diamalkan bersama-sama. Semoga Allah swt akan sentiasa memberi kejayaan dan memelihara ukhuwwah di antara kita. Inshaa Allah.

**YAA TUAN MOHAMMAD ADIB BIN HUSAIN**  
**S.M.S., A.M.N.**  
KETUA HAKIM SYARIE  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR  
1 JANUARI 2018